**Contoh Soalan KBAT: Struktur**

Kaji Sumber A dan B. Kemudian jawab soalan berikut.



**144 ponteng kena cekup**

Operasi khas Jom Ke Sekolah kesan pelajar lepak di kafe siber

Sumber A:
Dipetik dari http://aspirasigurudisiplin.blogspot.com/p/ponteng-sekolah.html




Sumber B:
http://3.bp.blogspot.com/_yl8qsWXTb1w/S8MN-OElSpI/AAAAAAAAABc/Sdr51GEq7CU/s1600/ponteng2.jpg

a) Berdasarkan **Sumber A,** terangkan **dua** nilai yang patut diamalkan oleh murid-murid di atas. (4 markah)

*i. Nilai harga diri. Murid-murid tidak patut mengikuti kawan poteng sekolah agar tidak dipandang serong oleh masyarakat.*

*ii. Nilai mematuhi peraturan dan undang-undang. Mereka tidak patut terlibat dalam gejala poteng kerana perbuatan mereka boleh dirotan oleh pengetua sekolah.*

b) Berdasarkan **Sumber B**, mengapakah bapa kepada murid tersebut menunjukkan sikap yang berlainan dalam situasi yang berlainan. Terangkan. (2 markah)

*Bapa kepada murid tersebut bersikap sedemikian kerana dia tidak menghormati punca kuasa yang ada pada pihak sekolah (guru), sebaliknya takut kepada pihak polis. Dia cuba melindungi anaknya daripada dirotan oleh guru tetapi apabila anaknya ditangkap oleh polis, dia terpaksa bersuara lembut terhadap polis.*

c) Sekiranya murid di atas merupakan rakan anda, jelaskan **dua** nasihat yang anda akan berikan kepadanya agar menjauhi gejala ponteng. (4 markah)

*i. Saya akan menasihatinya agar bijak memilih kawan. Hal ini demikian kerana golongan samseng akan mempengaruhinya ponteng sekolah.*

*ii. Isikan masa lapang dengan aktiviti berfaedah. Sebagai contoh, sertai aktiviti sukan, permainan atau unit beruniform.*